



PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : www.penanghill.gov.my

No. Ruj. Kami : PBBPP.UKK.100-2/1/1(22)

Tarikh: 26 Ogos 2020

KENYATAAN MEDIA

PERKHIDMATAN FUNIKULAR BUKIT BENDERA DITUTUP SEMENTARA UNTUK PENYELENGGARAAN BERJADUAL TAHUNAN KALI PERTAMA

Perkhidmatan funikular Bukit Bendera akan ditutup sementara untuk penyelenggaraan tahunan berjadual kali pertama bagi tahun 2021 bermula pada 11 Januari hingga 22 Januari 2021, dan akan beroperasi semula pada 23 Januari 2021.

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) menjalankan dua (2) penyelenggaraan berjadual utama pada setiap tahun di bawah pengawasan jurutera pengeluar funikular (Garaventa AG dari Switzerland) bagi memastikan sistem funikular berada dalam keadaan terbaik dan menjalani pemeriksaan keselamatan yang ketat.

PBBPP juga menjalankan pemeriksaan dan penyelenggaraan sistem funikular secara harian, mingguan dan bulanan serta pemeriksaan turut dijalankan selepas waktu operasi.

Semasa tempoh penutupan pengunjung boleh memilih untuk menggunakan perkhidmatan jip yang dikendalikan oleh Persatuan Penduduk Bukit Bendera (sila hubungi 019-5720543) atau menggunakan laluan mendaki untuk sampai ke puncak Bukit Bendera.

PBBPP mengucapkan terima kasih kepada semua pengunjung di atas kesabaran dan sokongan berterusan kepada Bukit Bendera. Maaf di atas segala kesulitan yang dihadapi.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-828 8880 atau email kepada inquiries@penanghill.gov.my.

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, memulihara dan membangunkan Bukit Bendera sebagai destinasi eko-pelancongan utama dan visinya adalah menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi bukit peranginan terunggul di Malaysia dan di rantau ini.

Perhubungan Media

Izatul Aziah Ismail
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
izatul@penanghill.gov.my

Belle Lim
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
sslilm@penanghill.gov.my